


# Suami isteri terima ijazah



>TIGA pasangan suami isteri dari tiga negara berbeza mencatat sejarah tersendiri apabila berkongsi pentas sama menerima skrol ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia ke-33, di Serdang, Selangor semalam.

Pasangan dari Sudan (dari kiri) Dr Khalid El Tahir, 38, yang menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Kejuruteraan Teknologi Komputer dan di sebelahnya, isteri, Amani Abdel'aal, 28, (Ijazah Sarjana Kejuruteraan Sistem Maklumat Geografi) manakala pasangan dari Iran, Fatimeh, 28, dan suaminya, Omid, 32, graduan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Industri.

Sementara itu, pasangan dari Mukah, Sarawak, Noh Abol Kassim, 39 dan isteri, Halina Abdullah, 42, kedua-duanya memperoleh Bachelor Sastera (Linguistik Bahasa Melayu).